**Fakta tanah di Taman Manggis** MS 2, 3 & 4



**Warna; Kumpul & Menang** MS 22 & 28




PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 APRIL, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Jual tanah awam rugi RM15.2 juta, laporan SPRM dibuat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak didesak memberi respons mengenai dakwaan 'salahlaku' Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang dipercayai menjual sebidang tanah awam di negeri ini dengan harga bawah nilai pasaran sebenar dan 'murah'.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian sebelum membuat aduan serta menyerahkan bukti berupa dokumen berwajib kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang di sini 7 April lalu.

Turut bersama beliau ialah, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Wong Hon Wai (ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri), Ustaz Abu Bakar Bakilani (Naib Ketua Kawasan Amanah Parlimen Permatang Pauh serta dua Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melalui kenyataan medianya bertarikh 5 April 2016 menyatakan bahawa PERDA telah menjual 8.6 ekar tanah di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh, Nibong Tebal pada 2015 dengan harga RM1.4 juta sungguhpun nilaian oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah RM16.6 juta.

"Saya mahu Shabudin menjawab isu penjualan tanah di Kampung Tok Selamat yang tidak melalui proses tender terbuka dan menjualnya dengan kerugian sehingga RM15.2 juta.

"PERDA tidak mahu menjelaskan mengapa penjualan tanah dibuat tanpa tender terbuka bagi membolehkan harga tawaran paling tinggi dipilih," katanya.

> *"PERDA telah menjual 8.6 ekar tanah di Nibong Tebal pada 2015 dengan harga RM1.4 juta sungguhpun nilaian oleh LHDN adalah RM16.6 juta. Kenapa penjualan tanah terbabit tidak melalui proses tender terbuka dan menjualnya dengan kerugian sehingga RM15.2 juta?"*
> **– soal Ketua Menteri.**

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, Pengerusi PERDA yang juga merangkap Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya kemudian menjelaskan bahawa tanah itu dijual dengan harga yang murah (dengan kerugian RM15.2 juta) kerana ia (tanah) mendap, mengalami hakisan teruk serta boleh mengakibatkan kerugian sebanyak RM10 juta kepada PERDA.

"Saya difahamkan oleh jurutera-jurutera, kos paling tinggi untuk membuat rawatan tanah adalah RM5 juta atau mungkin tak sampai pun (angka itu).

"Kalau RM5 juta sahaja, mengapa perlu rugi RM15.2 juta," soalnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Dalam sidang media berasingan, Guan Eng turut mempersoalkan percanggahan yang timbul berhubung rancangan membangunkan perumahan awam sebagaimana diumumkan Shabudin.

"Sebelum ini, beliau (Shabudin) memberitahu tanah yang dijual dengan kerugian RM15.2 juta membolehkan PERDA membina rumah untuk rakyat dengan harga yang murah.

"Tetapi, permohonan bagi membangunkan tanah tersebut yang dihantar ke Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 28 Mac 2016 mendapati ia (permohonan tersebut) adalah untuk membina 27 unit rumah kedai dan bukannya rumah awam.

"Kenapa ada percanggahan dengan apa yang diperkatakan beliau (Shabudin, untuk membina rumah murah untuk rakyat) dan dengan apa yang dihantar ke MPSP (permohonan membangunkan rumah kedai)?" soalnya.

Tambah Guan Eng, permohonan yang dihantar bagi pihak syarikat SYT Prestige Sdn. Bhd. (SYT) itu adalah bercanggah dengan kenyataan Shabudin sebelum ini, malah tidak mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertarikh 27 Februari 1986.

"Dalam Warta tersebut jelas menyatakan bahawa tanah yang diambil alih oleh PERDA melalui individu swasta mensyaratkan supaya tanah itu digunakan bagi tujuan awam iaitu sebagai tapak membangunkan perumahan awam.

"Tetapi pelan permohonan yang dihantar ke MPSP adalah untuk membina rumah kedai," jelasnya sambil menyatakan bahawa terdapat dua pemegang saham utama dalam SYT iaitu Phuah Cheng Peng dan pemegang syer utama atau majoriti ialah Noorashikin binti Abdul Shukor.



**(Barisan depan, dari kanan), DR. Afif Bahardin, Abdul Malik Abul Kassim dan Wong Hon Wai menunjukkan beberapa dokumen berkaitan untuk diserahkan kepada SPRM bagi siasatan penjualan tanah awam di bawah harga pasaran oleh PERDA di luar perkarangan Ibu Pejabat SPRM Pulau Pinang di sini 7 April lalu.**



*Berita di muka surat 27*

# Perhimpunan di perkarangan Taman Manggis, laporan polis dibuat



R.S.N. Rayer (barisan depan, tiga dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain menunjukkan salinan kenyataan laporan polis dibuatnya di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima yang juga Pengerusi Penang State Legislative Assembly Backbenchers, R.S.N. Rayer baru-baru ini membuat laporan polis terhadap Ali Tinju termasuk beberapa pemimpin MCA, Gerakan dan MyPPP yang telah menganjur dan mengadakan perhimpunan di perkarangan Taman Manggis, Jalan Burma Pulau Pinang pada 25 Mac 2016.

Katanya, dalam perhimpunan itu juga terdapat pihak-pihak tertentu yang telah membuat kenyataan terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Kenyataan tersebut menyatakan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merampas hak serta peluang orang-orang miskin dan tidak berkemampuan di Pulau Pinang dengan tidak meneruskan projek PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin) di Taman Manggis.

"Justeru, saya mohon pihak polis menyiasat perkara ini di bawah Seksyen 27 Akta Polis 1967/ Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Seksyen 499 Kanun Keseksaan," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan tersebut di Balai Polis Jalan Patani, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut di sini pada 27 Mac lalu.

Turut sama, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai serta beberapa Exco Kerajaan Negeri, ADUN dan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Dalam pada itu, Rayer turut mempersoalkan pendirian parti Gerakan dan MCA berhubung tindakan menyertai perhimpunan yang diadakan itu.

"Umum tahu siapa Ali Tinju...beberapa bulan lalu dia telah menganjurkan perhimpunan 'Baju Merah' di Kuala Lumpur.

"Gerakan dan MCA ketika itu mengutuk tindakan tersebut...tetapi sekarang mereka bersekongkol mengadakan demonstrasi.

"Di manakah pendirian MCA dan Gerakan berhubung tindakan tersebut," soal Rayer.

Berikut adalah salinan kenyatan laporan polis yang dibuat oleh Rayer:

**LAPORAN POLIS**

**Saya ingin membuat satu laporan polis terhadap Ali Tinju, beberapa pemimpin MCA, Gerakan dan MyPPP yang telah menganjurkan dan mengadakan satu perhimpunan di perkarangan Taman Manggis di Jalan Burma Pulau Pinang pada 25 Mac 2016 di mana dalam perhimpunan itu juga terdapat pihak-pihak tertentu yang telah membuat kenyataan terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Y.A.B Lim Guan Eng dan Kerajaan Pulau Pinang telah merampas hak dan peluang orang-orang miskin dan tidak berkemampuan di Pulau Pinang dengan tidak meneruskan dengan projek PPRT di Taman Manggis. Saya mohon pihak polis menyiasat perkara ini di bawah Seksyen 27 Akta Polis 1967/ Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Seksyen 499 Kanun Keseksaan.**

**Nama Pengadu : YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji**
**No. Kad Pengenalan: 710611-XX-XXXX**
**Alamat : XXXX, Jalan Zainal Abidin, 10400 George Town, Pulau Pinang.**
**No. Telefon: 019- 413 XXXX**

## Terus beri sokongan dan bergerak sebagai satu pasukan - Rashid

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN BARU –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini menzahirkan sokongan terhadap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berhubung isu rumah banglonya di Jalan Pinhorn.

Mohd. Rashid berkata, beliau selaku barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memberikan sokongan dan bergerak sebagai satu pasukan bagi mengatasi isu-isu yang sengaja dibangkitkan.

“Ini merupakan satu ujian kepada beliau (Ketua Menteri).

“Apapun, kita akan bergerak sebagai satu pasukan untuk mengatasinya. Kita merupakan sebuah Kerajaan Negeri yang memang diharapkan serta kukuh.

“Justeru, kita tak mahu ia hancur kerana isu-isu seperti ini kerana banyak lagi yang kita nak buat dan bangunkan untuk Pulau Pinang,” ujarnya ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Cek Pinjaman Projek Titian Saksama Rakyat Negeri Pulau Pinang (PTSR) di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Berhubung siasatan yang sedang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd. Rashid mempersoalkan kenapa siasatan begitu pantas dijalankan ke atas Ketua Menteri sedangkan siasatan lain tidak ditangani sepantas kes berkaitan.

Sementara itu, ketika ditanya berhubung apakah pendirian Parti Keadilan Rakyat (PKR) berhubung isu tersebut, Mohd. Rashid menyatakan bahawa perkara tersebut diserahkan kepada kebijaksanaan rakan-rakan dalam Pakatan Harapan iaitu DAP (Parti Tindakan Demokratik) untuk menyelesaikannya.

“Setakat ini, PKR memang tak ada keluarkan apa-apa kenyataan,” respons beliau selaku Naib Pengerusi 1 PKR Negeri.

## Dr. Mujahid puji ketelusan KM

**SEBERANG JAYA –** Timbalan Pengerusi Parti Amanah Negara (Amanah), Datuk Dr. Mujahid Yusoff Rawa menyatakan sokongan penuh terhadap Ketua Menteri berhubung isu pembelian rumah banglonya yang beralamat di No. 25, Jalan Pinhorn.

Katanya, beliau dari parti Amanah Pulau Pinang khususnya amat menghargai kepimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang begitu telus dalam menghadapi tuduhan-tuduhan yang dilemparkan ke atas beliau.

"Ketua Menteri amat terbuka dalam perkembangan terkini yang berlaku ke atas dirinya.

"Tak ada apa yang dia lindungi atau cuba sembunyikan.

"Apa yang saya lihat, tuduhan ke atas beliau adalah bersifat politik semata-mata daripada satu yang lebih berasas. Malah, kami (Amanah) amat menghargai sikap Ketua Menteri yang meminta SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) membuat siasatan secepat mungkin atau kini sedang dilakukan.



DR. Mujahid Yusof Rawa.

"Ini ternyata berbeza dengan sikap Barisan Nasional (BN) yang tuduhan diberikan kepada mereka khususnya Perdana Menteri, tetapi sehingga ke hari ini, segala siasatan yang dibuat telah dicampur tangan menyebabkan tiada laporan yang telus terhadap dakwaan dana RM2.6 bilion, 1MDB dan sebagainya," ujarnya ketika ditemui pada Program Nunji Wilayah Utara 2016 (Nadwah Ulama' Lin Na Hdah Jadidah) di Perpustakaan Awam Negeri Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mujahid turut meminta agar SPRM menyegerakan siasatan dan mengeluarkan laporan berhubung isu tersebut.

"Kita harap SPRM dapat keluarkan laporan setelah siasatan selesai dijalankan dan berhentikan orang yang menuduh ini daripada menjadikannya sebagai isu politik yang cukup merosakkan sehingga hubungan Kerajaan Negeri dan Pusat menjadi semakin buruk.

"Mereka menyatakan Taman Manggis dijual, tetapi mereka tidak ceritakan bahawa kerajaan Negeri menggantikannya dengan S.P. Chelliah. Malah, saya difahamkan bahawa banyak lagi tanah yang telah digazetkan untuk dijadikan sebagai perumahan untuk rakyat oleh Kerajaan Negeri.

"Ini merupakan satu pembohongan dan mainan politik hingga integriti pemimpin itu digunakan sewenang-wenangnya," kata beliau.

# Teng Chang Yeow kelirukan rakyat, perlu minta maaf - Jagdeep

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

●Hasil semakan melalui dokumen SSM mengesahkan pemegang saham dan ahli lembaga pengarah KLIDC tidak berubah.

●Malah, geran hakmilik lot tanah di Taman Manggis juga menunjukkan tiada rekod pertukaran hak ketuanpunyaan.

**GEORGE TOWN –** Teng Chang Yeow tidak menafikan fakta bahawa memang tiada hasrat untuk Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) terdahulu membina Program Perumahan Rakyat (PPR) di Lot 314 dan Lot 305, Seksyen 16, Daerah Timur Laut, Taman Manggis di sini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Jagdeep Singh Deo pada sidang media ini.

Rentetan itu, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat mencabar Chang Yeow yang juga Pengerusi BN Negeri Pulau Pinang tampil memohon maaf kerana menyebarkan berita palsu sehingga tercetusnya demonstrasi yang turut disertai oleh UMNO Negeri dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Perkasa dan Baju Merah.

●"Dia perlu meminta maaf dan mengambil tanggungjawab kerana menyembunyikan fakta bahawa Kerajaan Negeri dahulu tiada hasrat bina rumah PPR.

●" Dia perlu minta maaf kerana sembunyikan fakta bahawa projek itu (PPR) telah digantikan dengan projek campuran.

●"Dia juga perlu minta maaf kerana menyatakan bahawa tanah di Taman Manggis bernilai RM22.4 juta, walhal hasil semakan Jabatan Penilaian (dan Perkhidmatan Harta, JPPH) nilainya cuma RM8.5 juta.

●"Dia perlu minta maaf kepada rakyat kerana menyalah arah dan mengelirukan rakyat supaya mempercayai kononnya Taman Manggis Fasa 2 Sdn. Bhd. beli tanah tersebut untuk pembinaan rumah PPR.

●"Semua ini muslihat BN dan Gerakan yang tidak berani memohon maaf dan Kerajaan Negeri hari ini tidak boleh terima politik sedemikian," kata Jagdeep.

**MINIT MESYUARAT EXCO**

Sebelum ini, pada 31 Mac 2016, Jagdeep pernah meminta Chang Yeow untuk memohon maaf dan tampil memberi penjelasan kepada Kerajaan Negeri, namun tiada permohonan maaf, sebaliknya beliau (Chang Yeow) tampil memberi pelbagai alasan.

Mengulas lanjut, Jagdeep turut membidas permintaan Chang Yeow untuk mengemukakan keseluruhan butir-butir minit mesyuarat Exco yang didedahkan pada 30 Mac lalu.

Ujar Jagdeep, minit mesyuarat didedahkan dalam sidang media tersebut (30 Mac 2016) adalah jelas dan lengkap.

**TIDAK NAFI**

"Tidak ada sebarang sebab membalas pemintaan Teng Chang Yeow (Chang Yeow) itu, sebaliknya beliau perlu memohon maaf kepada rakyat negeri Pulau Pinang kerana telah mengelirukan mereka.

"Dan jelas, dia (Chang Yeow) tidak menafikan fakta bahawa memang tiada hasrat untuk (Kerajaan Negeri terdahulu) membina PPR setelah cadangan dibuat pada tahun 2005 bagi membina projek bercampur di atas tanah di Taman Manggis tersebut," ujarnya pada sidang media yang diadakan sebelum ini.

**PPA1M, tiada satu unit sampai P. Pinang sejak diperkenalkan**

Dalam pada itu, Jagdeep turut mempersoalkan keinginan Kerajaan Negeri terdahulu untuk membina kuarters kerajaan bagi membantu penjawat awam.

"Sekiranya benar-benar ada tujuan hendak bina kuarters kerajaan kenapa tidak diteruskan, apa jadi?

"Apakah Teng Chang Yeow (Chang Yeow) tahu atau tidak, antara komponen projek-projek perumahan sedia ada di peringkat Pusat ada satu komponen dikenali sebagai Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) selain PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia), Rumah Mesra Rakyat dan Program Perumahan Rakyat (PPR).

"Sekarang, kerana dia (Chang Yeow) begitu prihatin, dia tahu tak sejak ia (PPA1M) diperkenalkan, tiada satu unit pun sampai ke Pulau Pinang," katanya sambil merujuk kepada Perenggan 155 dalam Ucapan Bajet Tahun 2016 oleh Perdana Menteri pada Oktober tahun lalu.

Jagdeep kemudian turut meminta Chang Yeow memberi pencerahan kepada Kerajaan Negeri berhubung cadangan pembinaan unit-unit PPA1M di Pulau Pinang.

Dalam ucapan Bajet 2016, Perdana Menteri memaklumkan akan membina 100,000 unit rumah PPA1M menjelang tahun 2018 dengan harga RM90,000 hingga RM300,000. Bantuan Dana Mudahcara sehingga 25 peratus dari kos pembangunan disediakan.



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
PULAU PINANG,
PARAS 21 & 22,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Ruj. Kami: PTG/PP/PENT/1113 Jld.3(26)

Tarikh: 10 Mac 2009

Y.B. Tuan Lim Hock Seng
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
Tingkat 52, KOMTAR
**Pulau Pinang**

Y.B. Tuan,

**PA 4419 JALAN BURMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada memo Y.B. bertarikh 10.3.2009 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Berdasarkan kepada semakan Pentadbiran ini, adalah didapati lot-lot tersebut (Lot 314 dan 305) merupakan tanah kerajaan yang merupakan sebahagian daripada Projek Perumahan Rakyat Lorong Selamat / Jalan Zainal Abidin.

3. Untuk makluman Y.B. tapak tersebut pernah dipohon oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi tujuan Projek Perumahan Rakyat Lorong Selamat / Jalan Zainal Abidin tetapi telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 28.3.2007 dan disahkan pada 4.4.2007.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(KAMARUDIN BIN MOHAMAD SA'AD)
Timbalan Pengarah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Tanah

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

**SALINAN surat rasmi Timbalan Pengarah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang yang ditujukan kepada Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan) bertarikh 10 Mac 2009 bagi menjawab pertanyaan Exco berkenaan berhubung keseluruhan tapak di Taman Manggis (PA 4419 Jalan Burmah).**



BUTIR-BUTIR MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG YANG KE 34/2005

Tarikh : 28 September, 2005

**16.3 Cadangan Pembangunan Baki Tapak Tanah Kerajaan Negeri Di Persimpangan Jalan Burmah/Jalan Zainal Abidin**

YB Encik Teng Chang Yeow memaklumkan Majlis bahawa satu blok perumahan kos rendah telah dimajukan di atas sebahagian tapak tanah yang berkenaan. Adalah dicadangkan supaya baki tapak tanah yang menghala Jalan Burmah dibangunkan dengan projek campuran iaitu rumah kedai dan kuarters kerajaan di belakang.

YAB Tan Sri Ketua Menteri berpandangan bahawa memandangkan lokasinya yang agak strategik, tapak tanah itu boleh ditawarkan (tender out) kepada pemaju swasta untuk tujuan tersebut supaya pihak Kerajaan Negeri tidak perlu menanggung kos pembinaan yang tinggi.

YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri disarankan menyediakan suatu Kertas untuk pertimbangan MMK.

Tindakan: YB Dato' SUK

**SALINAN butir-butir Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Pulau Pinang yang ke-34 bertarikh 28 September 2005, Perenggan 16.3 jelas menunjukkan cadangan memorandum 2003 telah diganti dengan satu cadangan baru pada tahun 2005 bagi membangunkan projek bercampur iaitu rumah kedai dan kuarters kerajaan di atas baki tanah berkaitan.**



10

POTONGAN MINIT
MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

PADA : 28 MAC 2007
DISAHKAN PADA : 4 APRIL 2007

Kertas Bil 120/2007
**Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Lot 305-309, 311-314, 964 Dan 1155, Seksyen 16, Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang Seluas 1.998 Hektar (4.937 Ekar) Daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Untuk Tujuan Pembangunan Projek Perumahan. (PTG/PMJ/DTL/188)**

Majlis mengambil maklum Kertas yang tersebut di atas dan bersetuju dengan perakuan-perakuan seperti di perenggan 9 dan menolak permohonan tersebut.

Majlis menasihatkan dengan sewajarnya.

Tindakan/Perhatian:
PTG

**SALINAN potongan minit Mesyuarat Exco bertarikh 28 Mac 2007 dan disahkan minit tersebut pada 4 April 2007 berkenaan pembangunan projek perumahan di atas tanah seperti yang dinyatakan dalam Kertas Bil. 120/2007.**

# Banglo Guan Eng, transaksi Taman Manggis: BN hipokrit, tanpa fakta

Oleh : **P. RAMAKRISHNAN**
**Ahli Jawatankuasa Eksekutif Aliran**



P. Ramakrishnan.

**(ULASAN)** Sesiapapun boleh memilih untuk menjual hartanya pada sebarang harga yang dikehendakinya. Itu adalah prerogatif atau hak istimewanya.

Ianya boleh terjadi jauh di bawah nilai pasaran atau jauh melebihi harga pasaran. Itu adalah hartanya dan keputusannya sendiri. Ini bukanlah satu bentuk jenayah dan pemilik tersebut tidak melakukan sebarang jenayah dengan berbuat demikian.

Bagaimanapun, sekiranya harta tersebut dijual lebih rendah dari nilai pasaran bagi mendapatkan balasan dalam bentuk sogokan, barulah ianya menjadi satu perkara lain. Apapun bentuk sogokan yang diterimanya dari transaksi ini bukan sahaja akan menggantikan apa yang ia telah hilang dari penjualan tersebut, tetapi ia akan mendapat keuntungan yang lebih besar darinya.

Maka ini, tentunya akan melibatkan rasuah.

Ahli Parlimen Tasek Glugor, Shabudin Yahya, telah membayangkan unsur rasuah di dalam pembelian sebuah rumah yang dikatakan dibeli di bawah harga pasaran oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.

Shabudin mendakwa bahawa pembelian rumah tersebut dalam tahun 2015 mempunyai kaitan dengan penjualan sebidang tanah kerajaan negeri di Taman Manggis kepada syarikat persendirian, Kuala Lumpur International Dental Centre Sdn Bhd (KLIDC) pada tahun 2012.

Dengan kata lain, ianya ditomahkan bahawa tanah Taman Manggis tersebut telah dijual di bawah harga pasaran dalam tahun 2012 supaya Guan Eng boleh mendapatkan banglonya di bawah harga pasaran juga – selepas tiga tahun!– iaitu 2015 sebagai ganjaran kerana menjual tanah tersebut dengan murah.

Jika inilah sebenarnya yang terjadi – dan sekiranya perkara ini dapat dibuktikan secara konklusif – maka tidak ada persoalan lain lagi yang satu perlakuan rasuah telah berlaku.

Tetapi, adakah ini yang berlaku? Spekulasi semata-mata tidak akan menjadikannya satu fakta.

Duti setem perlu dibayar atas nilaian harta yang dibeli pada kadar 1% bagi RM 100,000 yang pertama, 2% bagi nilai seterusnya sehingga RM 500,000 dan 3% bagi yang selebihnya.

Penilaian dibuat oleh Jabatan Penilaian, sebuah agensi kerajaan. Sekiranya pembeli telah mengistiharkan suatu harga tertentu bagi harta tersebut tetapi Jabatan Penilaian meletakkan nilaian yang lebih tinggi, maka pembeli harus membayar peratusan yang lebih tinggi mengikut penilaian yang lebih tinggi itu, melainkan pembeli bersedia untuk mencabar penilaian tersebut di mahkamah.

Dalam kes ini, oleh kerana Jabatan Penilaian memutuskan bahawa harga pasaran harta tersebut adalah sepatutnya RM4.1 juta, pembeli terpaksa membayar RM 39,000 lebih dalam bentuk duti setem atas perbezaan RM 1.3 juta dari harga transaksi dan paras penilaian.

Tidak ada seorang pun yang pernah didakwa kerana meletakkan harga yang lebih rendah. Ia bukan suatu perbuatan jenayah. Dan ianya bukan satu isu pun.

Kembali kepada isu rasuah, kita diberitahu pembeli banglo tersebut, Ketua Menteri Pulau Pinang bukanlah Pengerusi Lembaga Tender. Bahkan, beliau bukan ahlinya pun.

Dari fakta-fakta berkaitan yang diperolehi, tanah Taman Manggis telah dijual melalui tender terbuka yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini bermakna terdapat penender yang lain untuk membeli tanah tersebut. Jadi, jika begitulah keadaannya, siapa yang berhak menjadi pembeli yang sah?

Sudah tentulah ianya pembida tertinggi. Jika tanah tersebut telah dibeli secara sah melalui proses tender yang betul, bagaimana pula persoalan rasuah boleh timbul?

Adakah mahu digambarkan bahawa seluruh Lembaga Tender telah bersekongkol dan berpakat dengan Ketua Menteri untuk menjual sebidang tanah yang dimaksudkan ini kepada KLIDC dibawah harga pasaran? Adakah integriti seluruh Ahli Lembaga Tender hendak dipersoalkan? Apakah asas untuk semua ini?

Apakah pembida-pembida lain dalam proses tender terbuka tersebut telah dipengaruhi supaya tidak menawarkan harga yang lebih tinggi supaya KLIDC boleh membeli tanah tanah tersebut pada harga yang ditawarkannya? Siapakah agaknya yang mempunyai pengaruh sedemikian? Adakah terdapat dalang yang mengawal proses tender terbuka tersebut?

Sekiranya keseluruhan proses tender dijalankan secara telus, bagaimana persoalan rasuah boleh timbul ? Adakah ianya sesuatu yang direka-reka?

Apakah unsur rasuah telah dengan sengaja direka bagi membabitkan Guan Eng dalam pembelian banglo nya dibawah harga pasaran?

Jika Shabudin mempunyai bukti yang tidak dapat disangkal bagi menguatkan dakwaannya, beliau sepatutnya menyatakannya di luar parlimen. Ia adalah satu tanggungjawab moral baginya. Kita seharusnya menyokong beliau – bahkan harus mendesaknya – untuk berbuat demikian.

Guan Eng, yang menolak semua dakwaan ini sebagai pembohongan, akan terpaksa menyaman Shabudin yang boleh mendedahkan semua bukti dimahkamah dan mengenakan Guan Eng. Sekiranya Shabudin ingin mengenakan Guan Eng kerana melakukan rasuah, maka ini adalah peluang keemasan baginya.

Sekarang, banyak sandiwara yang dibuat mengenai projek rumah mampu milik yang dirancang di Taman Manggis – tetapi tidak dilaksanakan – oleh bekas kerajaan BN. Sewaktu BN berkuasa, sepatutnya ia dengan mudah dapat menyiapkan projek perumahan bagi golongan miskin atas tapak ini. Tetapi nampaknya ia telah mensia-siakan peluang tersebut.

Dengan kehendak Tuhan, BN mendapat satu lagi peluang untuk menyiapkan projek perumahan ini. Ia mempunyai wang, kedudukan dan kesungguhan politik untuk menjayakan projek ini. Lebih dari itu, ia telah dengan angkuh merampas peluang ini dan dengan lantang mengumumkan bahawa ia akan membina rumah mampu milik di atas tanah ini.

BN menjadikan ini isu yang berapi dalam PRU 13, menghentam kerajaan Pakatan Rakyat kerana menjual 0.45ha (1.1ekar) tanah Taman Manggis dengan murah di bawah harga pasaran pada harga RM 11.5 juta atau RM 232 skp kepada sebuah syarikat persendirian. BN mendakwa harga tersebut sepatutnya sekali ganda dari apa yang dijual kepada syarikat tersebut.

Ini membuatkan Ketua Menteri menawarkan BN membeli tanah tersebut lebih dari RM22 juta atau RM 450 skp. Dengan berani sombongnya, ketua BN, Teng Chang Yeow, serta merta setuju untuk membeli tanah tersebut. Kos keseluruhannya ialah RM22,407,300.

BN terlalu bersungguh untuk membeli tanah ini untuk membina rumah bagi golongan miskin dan tanpa membuang masa membayar 1% wang kesungguhan sebanyak RM 224,073 pada 3 Oktober 2012.

BN mempunyai wang yang melimpah ruah hinggakan ia membawa jumlah tersebut – hampir suku juta ringgit – dalam bentuk tunai bersama sebuah mesin pengira. Ketua Pemuda Negeri BN diiringi Ketua Pemuda MCA Pulau Pinang, Tan Hing Teik dan Ketua Pemuda BN Tanjung, H'ng Khoon Leng telah pergi ke Pejabat Ketua Menteri untuk menyerahkan wang tersebut pada jam 11 pagi tersebut.

Bagaimanapun, mereka tidak dibenarkan masuk oleh pengawal di Komtar. Pembantu Khas Ketua Menteri, Faridah Hani M. Yaacob, yang menemui kumpulan itu menyatakan bahawa kerajaan negeri tidak dapat menerima wang tunai tersebut dan meminta mereka memasukkan wang tersebut kedalam bank melalui Bendahari Negeri.

Pemimpin-pemimpin Barisan itu kemudiannya telah mendepositkan jumlah tersebut di sebuah cawangan Maybank di Komtar.

Ketua Pemuda Negeri BN, Oh Tong Keong dengan tegas menyatakan bahawa bayaran tersebut menunjukkan betapa serius dan jujur nya BN negeri untuk membeli tanah tersebut.

"Kerajaan negeri tidak meminta bayaran 1%, tetapi jika kita tidak mengambil apa-apa tindakan, kerajaan negeri akan menuduh kita tidak bersungguh," tambahnya.

BN Negeri mempunyai 30 hari untuk menyelesaikan bayaran penuh. Jadinya, baki berjumlah RM 22,183,227 perlu dibayar sebelum 4 November 2012.

Kemudiannya, Ketua Pemuda BN Pulau Pinang, Oh Tong Teong dengan megahnya mengiystiharkan "Wang dan segalanya telah sedia. Kami telah berjaya mengutip baki RM 22.18 juta dari penyokong-penyokong Barisan."

Bila tiba 4 November, BN gagal melunaskan baki 99% bayaran. Kerajaan Pakatan Rakyat dengan semangat ingin bekerjasama dengan BN, telah memberikan lanjutan tempuh selama sebulan bagi BN menyelesaikan obligasinya. Tetapi, obligasi ini tidak ditunaikan pada 4 December 2012 dan 1% wang kesungguhan itu pun dirampas.

BN mempunyai dua misi untuk disempurnakan : Menghalang kerajaan Pakatan dari menjual tanah Taman Manggis pada harga RM 11.5 juta, yang pada hemat mereka di bawah harga pasaran, dan

Memberikan makna sebenar atas keperihatinan besar mereka terhadap golongan miskin dengan membina rumah mampu milik atas tapak tanah ini.

Tetapi mereka telah menghancurkan kedua-dua misi tersebut, hingga membawa kepada persoalan tentang kejujuran mereka.

Setelah gendang perang dipalu mengenai tanah Taman Manggis, setelah menunjukkan kesungguhan untuk membeli tanah ini bagi membina rumah bagi golongan miskin dan setelah mengutip semua wang yang perlu bagi memuktamadkan penjualan, mengapa ianya dibatalkan. Wang bukanlah masalahnya, Jadi, apa masalahnya ?

Apa sudah jadi dengan semua keberanian?

Mengatur demonstrasi dan menuntut supaya rumah dibina atas tanah Taman Manggis hanya menunjukkan politik opportunis dan tidak sedikitpun menambah kredibiliti atau menunjukkan kejujuran mereka.

Apa yang diperkatakan oleh Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Rafizal Abd Rahim kepada wartawan selepas perhimpunan 25 March 2016 di Taman Manggis – "Kami mahu melindungi kepentingan rakyat kerana mereka memerlukan tempat yang lebih selesa yang mereka miliki"- mempunyai lompang kosong mengenainya.

Pada 2013, BN berkubang dengan wang. Seorang yang tidak dinamakan dan tidak dikenali telah dengan secara misteri mendermakan RM 2.6 billion. Sebahagian kecil sahaja dari wang tersebut telah cukup untuk membina rumah mampu milik untuk golongan miskin jika terdapat kemahuan politik dan keinginan yang tulin untuk membantu yang miskin.

Tetapi, RM 1.5 billion telah ditaburkan tanpa peduli untuk membeli dan merasuah pengundi bagi mengekalkan kuasa.

BN, kamu mengkhianati kata-kata kamu, kamu mengingkari janji, kamu tidak menunaikan niat suci kamu.

Kamu bukan sahaja kedengarannya kosong dan hipokrit apabila kamu menyatakan keperihatinan kamu kepada golongan miskin tetapi kamu telah buktikan bahawa kamu adalah kosong dan hipokrit kerana tidak menunaikan janji suci kamu!

*(Sumber: http://www.keadilandaily.com/banglo-guan-eng-transaksi-taman-manggis-bn-hipokrit-tanpa-fakta/)*

# PERDA akur semak semula harga unit rumah, KN tunggu permohonan – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo membidas kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau PERDA, Dato' Shabudin Yahaya bahawa Kerajaan Negeri tidak ikhlas dalam membantu PERDA membangunkan perumahan rakyat di negeri ini.

Jagdeep memberitahu, Kerajaan Negeri hari ini bukan sahaja membantu agensi Persekutuan tersebut, malah juga memastikan agar projek perumahan yang dirancang memberi manfaat dan berkepentingan rakyat serta mampu dimiliki.

"Adalah langsung tidak tepat untuk menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak ikhlas dalam membantu PERDA, walhal, baru-baru ini, iaitu pada bulan Januari (2016), PERDA telah bersetuju untuk menyemak semula harga siling unit-unit perumahan mereka," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, tindakan untuk mereka menyemak semula had siling adalah perlu dan berlandaskan Garis Panduan Perumahan Mampu-Milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu menghadkan harga siling RM250,000 bagi perumahan mampu milik di bahagian Seberang Perai dan RM400,000 bagi bahagian pulau.

"Semakan yang dibuat (oleh Kerajaan Negeri) mendapati unit-unit perumahan yang dicadangkan oleh agensi persekutuan tersebut, termasuk JKP Sdn. Bhd., jauh melebihi had siling iaitu RM800,000 bagi bahagian Seberang Perai (berbanding RM250,000 yang ditetapkan) dan RM1.8 juta bagi bahagian pulau (berbanding RM400,000 yang ditetapkan).

"Maka, apa yang telah berlaku, Kerajaan Negeri telahpun meminta mereka untuk menyemak semula harga siling dan mereka akur, tidak dipertikaikan oleh PERDA.

"Sekarang, kita (Kerajaan Negeri) menunggu permohonan rasmi dibuat kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa yang mana empat permohonan telahpun diselesaikan isu harga, dua ditangguhkan sementara menunggu laporan status tanah dan satu telah ditarik balik oleh PERDA," jelas beliau.

Sebelum ini, Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman melalui suratnya bertarikh 18 Ogos 2014 kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa 15 projek, iaitu tujuh projek PERDA dan lapan projek JKP Sdn. Bhd. telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan bagi 100 peratus projek perumahan mampu milik, namun, tidak diluluskan.

Sedangkan, melalui semakan yang dibuat mendapati hanya 2,447 unit perumahan yang dipohon untuk pembinaan adalah rumah kos rendah, 6,546 unit adalah perumahan biasa dan 451 unit jenis komersial.



JAGDEEP Singh Deo.

## Cabar isytihar aset kepada umum, tiada maklum balas pihak berkaitan

**GEORGE TOWN** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo mencabar pimpinan Barisan Nasional (BN) dilantik supaya mengisytiharkan aset masing-masing kepada umum sepertimana yang dilakukan oleh pemimpin Pakatan Harapan (PH) di Pulau Pinang sebagai membuktikan ketelusan dalam menguruskan dana awam.

Jagdeep yang juga merupakan Timbalan Pengerusi DAP Pulau Pinang memberi tempoh 48 jam (bermula 24 Mac 2016) untuk pihak berkaitan berbuat demikian, namun sehingga 31 Mac lalu (selepas 168 jam) masih tiada sebarang tindakan.

"Usaha pengisytiharan aset telah dilaksanakan selepas Pilihanraya Umum (PRU) Ke-12 pada 2008, di mana Ketua Menteri serta barisan Exco Kerajaan Negeri sudahpun mengisytiharkan segala aset mereka kepada umum.

"Selepas PRU Ke-13 lalu, pengisytiharan aset ini dilakukan pula secara sukarela oleh semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Pulau Pinang termasuk Selangor," katanya dalam sidang media pada 24 Mac lalu di Komtar.

Turut serta, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat memberitahu, cabaran kepada pimpinan BN dibuat setelah melihat negara 'dihantui' pertuduhan yang masih tertangguh seperti skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan dana luar yang didepositkan ke akaun persendirian Perdana Menteri.

"Kita seharusnya tidak membiarkan isu-isu tersebut dibelenggu oleh pertuduhan terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang atas pembelian kediaman beliau yang masih belum disahkan.

"Diharap penyiasatan berhubung isu ini (pembelian banglo) dapat dijalankan dengan segera untuk membersihkan nama baik beliau memandangkan fakta pembelian kediaman tersebut adalah satu fakta yang tidak dinafikan," ujarnya yang turut berharap agar pelaksanaan pengisytiharan aset dijadikan amalan ke arah urus tadbir negara yang baik.

## Akuan sumpah Phang dibuat dengan rela hati – Boon Poh

**GEORGE TOWN** – Akuan bersumpah yang telah dibuat oleh penjual rumah banglo di No.25, Jalan Pinhorn, Phang Li Koon dibuat dengan rela hati dan bukannya seperti yang didakwa oleh Pengarah Strategik Komunikasi Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh melalui kenyataan medianya pada 23 Mac lalu membidas dakwaan Abdul Rahman yang juga merupakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menyindir bahawa akuan bersumpah Li Koon sebagai "perbuatan orang yang bersalah".

"Sewajarnya, Abdul Rahman menjaga maruahnya dengan bercakap benar dan bukannya mencari jalan untuk menarik perhatian umum dengan tuduhan tidak berasas terhadap niat baik Li Koon (membuat akuan sumpah).

"Apatah lagi, akuan tersebut dibuat dengan kerelaan hatinya sendiri dan bukannya seperti yang didakwa oleh akhbar 'kawalan' UMNO," katanya yang terkilan dengan dakwaan sesetengah pihak sehingga menjejaskan reputasi peribadi dan keluarga Li Koon.

Akuan bersumpah yang dibuat pada 22 Mac 2016 itu antara lain menyatakan Li Koon menjual banglo miliknya itu kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berdasarkan kerelaan antara penjual dan pembeli.

Berikut adalah fakta penting yang terkandung dalam akuan bersumpah Li Koon:

a) Li Koon telah memutuskan untuk menjual rumah tersebut berikutan kebimbangan keselamatan yang melibatkan rumah tersebut dan cubaan pihak yang tidak bertanggungjawab menjejaskan reputasinya.

b) Li Koon sanggup menjual rumahnya pada harga RM2.8 juta sejak tahun 2012. Dalam hal ini, pihak yang melaksanakan perjanjian bertarikh 23 Jun 2014, memberi tempoh pilihan sehingga lima tahun untuk membeli rumah pada harga yang dipersetujui ('Opsyen'). Sebagai balasan, pembeli bersetuju membayar RM100,000 (sebagai kesungguhan membeli rumah tersebut)

c) Opsyen ini dilaksanakan dengan sewajarnya dan mereka memeterai perjanjian jual-beli pada 28 Julai 2015. Li Koon menerima jumlah penuh pada bulan Oktober 2015.

d) Keputusan menjual rumah pada harga RM2.8 juta dibuat tanpa tekanan atau paksaan atau di bawah apa-apa pengaruh yang tidak wajar daripada mana-mana pihak. Keputusan dibuat dengan kerelaan hati dan persetujuan antara pemilik dan penjual.

# KM syukur Aminulrashid tak bersalah, nasihat Khalid mohon maaf terbuka

**KUALA LUMPUR –** Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa bersyukur dengan ketetapan mahkamah memutuskan arwah Aminulrasyid Amzah yang mati akibat tembakan polis adalah tidak bersalah.

Justeru, beliau menasihatkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar selaku salah seorang defenden kes itu supaya memohon maaf daripada keluarga arwah berkenaan.

"Sekurang-kurangnya KPN (Ketua Polis Negara) harus memohon maaf secara terbuka kepada keluarga terbabit dan juga kepada rakyat Malaysia atas kematian arwah Aminulrasyid bagi menunjukkan rasa tanggungjawab polis," katanya sambil mengucapkan Selamat Hari Polis Ke-209 dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, kes Aminulrasyid tersebut menunjukkan betapa perlu ditubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Aduan Salahlaku Polis (IPCMC), sebagaimana disyor dalam laporan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan Dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 16 Mei tahun lepas.

Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 24 Mac lalu memerintahkan tiga defenden, termasuk Khalid, membayar ganti rugi sebanyak RM414,800 kepada keluarga arwah Aminurasyid.

Dua defenden lain adalah anggota polis yang melepaskan tembakan dalam kes kematian itu serta Kerajaan Malaysia.

Hakim Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim menegaskan tiada ada bukti untuk menyokong tuntutan Khalid bahawa polis terbabit bertindak menembak selepas mendapati parang di dalam kereta yang dipandu oleh Aminulrasyid.

Khalid diperintah membayar RM100,000 sebagai ganti rugi kepada keluarga untuk kemungkiran awam.

## PIP: 60% nelayan beri reaksi positif - Kon Yeow

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 60 peratus nelayan yang mengikuti siri-siri taklimat awam mengenai Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang serta projek tambakan laut di bahagian selatan pulau Pulau Pinang sebelum ini memberikan reaksi positif.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, melalui 14 sesi penerangan yang telah dijalankan dalam tempoh sembilan bulan, hanya satu sesi yang memperlihatkan maklum balas negatif.

"Malah, sebanyak 60 peratus nelayan yang terlibat memberikan reaksi positif mengenai projek bertujuan menangani kesesakan trafik di negeri ini.

"Ini adalah usaha kita (Kerajaan Negeri) dan Konsortium SRS untuk memberikan penjelasan kepada semua lapisan masyarakat termasuk di peringkat Persekutuan.

"Ia supaya rakyat mendapat gambaran jelas dan input berhubung kepentingan PIP," katanya pada majlis sidang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian (Kerajaan Tempatan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, K. Vishantini, Pang Hoe Yee (Ketua Perhubungan Awam dan Komunikasi, Konsortium SRS) dan Azmi Mohamad (wakil komunikasi PDP).

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa lebih banyak lagi sesi penerangan berterusan akan dijalankan selepas ini.

# Cadangan jajaran LRT pertama dihantar ke SPAD - Exco




**KETUA Menteri, Chow Kon Yeow (empat dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyaksikan gimik penyerahan cadangan jajaran pertama projek LRT yang telah diserahkan untuk kelulusan SPAD pada 29 Mac 2016.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus telah menyerahkan cadangan jajaran pertama projek aliran transit aliran ringan (LRT) Bayan Lepas kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016.

Menurutnya, permohonan rasmi tersebut adalah sebahagian daripada cadangan jajaran LRT di bawah Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang merangkumi laluan dari Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) ke Bayan Lepas.

"Penghantaran kertas cadangan jajaran pertama LRT di bawah PIP pada 29 Mac lalu merupakan satu sejarah buat Kerajaan Negeri khususnya," katanya kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Laman Sesawang Pelaksanaan PIP Pulau Pinang yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), rakan pelaksana projek PIP seperti SRS Consortium Sdn. Bhd., Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd., Malaysian Resource Corporation Berhad (MRCB) serta wakil-wakil dari Bahagian Kerajaan Tempatan dan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri.

Sistem LRT, jajaran pertama sejauh 30 kilometer itu merupakan sebahagian laluan di bahagian timur pulau iaitu dari Komtar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Dalam perkembangan sama, Kerajaan Negeri turut melancarkan laman sesawang rasmi bagi projek PIP Pulau Pinang yang boleh dilayari melalui alamat url, *http://pgmasterplan.penang.gov.my.*

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, inisiatif memuat naik maklumat terkini berhubung pelaksanaan projek PIP bernilai RM27 bilion itu secara atas talian menunjukkan ketelusan Kerajaan Negeri dalam perkongsian maklumat.

"Saya berharap laman sesawang ini dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat dalam mendapatkan informasi yang tepat dan terkini berkaitan pelaksanaan PIP di Pulau Pinang," ujar beliau.

Melalui laman sesawang tersebut, orang ramai boleh memberi sebarang maklum balas, cadangan mahupun pertanyaan melalui atas talian.

Malah, soalan lazim atau *Frequently Asked Question* (FAQ) berhubung projek PIP dan laporan ringkas (*Concise Version)* kajian PIP oleh *Halcrow* dan *ACJ Planning* juga boleh dimuat turun secara percuma.

# Laksana *21st Century Classroom*, dua SJKT terpilih

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Penggunaan alat bantuan mengajar iaitu *Smart Wireless Interactive Presentation & Education System* atau lebih dikenali, SWIPE bakal diperluaskan penggunaannya di semua sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri bercadang memperluaskan penggunaan teknologi moden tersebut ke semua 28 sekolah SJKT di negeri ini berbanding hanya dinikmati 10 sahaja kini.

"Sebenarnya, teknologi SWIPE ini belum lagi digunakan di kebanyakan sekolah di Malaysia, mahupun sekolah kebangsaan.

"Namun, demi memastikan murid-murid di sekolah Tamil dapat menikmati perkembangan ICT dan meningkatkan prestasi pembelajaran masing-masing, tahun lalu, kami (Kerajaan Negeri) telah memperkenalkan alat ini.

"Ia bukan sahaja memudahkan proses penyampaian maklumat, malah membolehkan guru menjalankan pengajaran dengan menggunakan *tab*, komputer riba atau telefon bimbit yang secara tidak langsung menjadikan pembelajaran lebih efektif.

"Pada masa sama, kaedah tersebut juga membantu guru mengawasi murid-murid dari setiap sudut di bilik darjah," katanya pada Majlis Penyampaian Cek Kepada Sekolah-sekolah Tamil 2016 di sini baru-baru ini.

Sejak 2009, Kerajaan Negeri memperuntukkan bantuan kewangan berjumlah RM1.75 juta setiap tahun bagi tujuan pembangunan 28 buah SJKT di Pulau Pinang. Jumlah keseluruhan sumbangan bagi tempoh 2009 hingga 2015 adalah berjumlah RM12 juta.

Serentak itu, turut diperuntukan adalah RM100,000 yang merupakan bantuan khas tahunan sebagai kos pengurusan kepada SJKT-SJKT dan RM100,000 untuk tadika-tadika Tamil di negeri ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Dato' Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal), A. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan), A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam) dan Datuk K. Anbalagan (Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil Pulau Pinang).

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, bagi mewujudkan suasana yang lebih kondusif, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bagi membina *21st Century Classroom* di dua SJKT terpilih.

"SJKT Bayan Lepas dan SJKT Bukit Mertajam telah dipilih untuk merealisasikan rancangan ini.

"Semua ini memakan kos yang tinggi. Namun, oleh kerana misi kami adalah meningkatkan taraf pendidikan SJKT, maka kita (Kerajaan Negeri) mengambil keputusan untuk mengadaptasi teknologi-teknologi ini," jelas beliau.

**●Sejak 2009, KN peruntukan bantuan kewangan tahunan RM1.75 bagi tujuan pembangunan 28 buah SJKT di PP. Jumlah keseluruhan sumbangan dari tahun 2009 - 2015 adalah berjumlah RM12 juta.**

**●Turut diperuntukan, RM100,000 yang merupakan bantuan khas tahunan sebagai kos pengurusan kepada SJKT-SJKT & RM100,000 untuk tadika-tadika Tamil Negeri.**

## Penerangan permohonan kerakyatan, '*road show*' bakal diadakan

**GEORGE TOWN –** Hampir 300,000 rakyat Malaysia menghadapi kesukaran dalam menuntut hak kewarganegaraan termasuk memiliki sijil kelahiran, kad pengenalan ataupun taraf pemastautin tetap.

Statistik rakyat Malaysia 'tanpa identiti' tersebut dikongsi Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy pada satu sidang media di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Di Pulau Pinang sahaja, jelas beliau, seramai 654 individu telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sejak 1 Februari 2013.

"Namun, hanya 44 permohonan atau 6.93 peratus sahaja telah mendapat kelulusan sehingga 30 Januari 2016, manakala 19 permohonan lain ditolak kerana gagal memenuhi syarat permohonan.

"Sungguhpun sejak sekian lama masih ramai yang berusaha mendapat taraf kewarganegaraan, tetapi JPN dilihat kurang efektif.

"Sehinggakan ada dalam kalangan pemohon yang telah meninggal dunia sebelum mendapat keputusan permohonan gara-gara setiap permohonan memerlukan lebih daripada tiga tahun untuk diproses," katanya.

Hadir sama, Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan seperti Chiam Heng Hak bagi daerah Timur Laut, Abdul Rahim Mohamed Nor (Barat Daya), K. Krishnasamy (Seberang Perai Utara, SPU), P. Rachenamorthy (Seberang Perai Tengah, SPT) dan R. Gunalan (Seberang Perai Selatan, SPS) serta peguam, Datuk N. Murelidaran yang juga ditugaskan untuk menyelaras permohonan kewarganegaraan di kelima-lima daerah negeri ini.

Mengulas lanjut, Ramasamy memberitahu, Kerajaan Negeri melalui Program Orang Tanpa Kerakyatan di Pulau Pinang atau *Stateless People in Penang Program* (yang dilancarkan pada 21 Januari 2013) akan terus membantu mereka yang masih belum mempunyai taraf kewarganegaraan membuat permohonan secara sah dan lengkap di JPN.

"Ini (program) merupakan inisiatif dan komitmen Kerajaan Negeri dalam membantu mereka yang lahir dan menetap berpuluh-puluh tahun di Malaysia untuk memiliki kewarganegaraan.

"Isu ini (tiada kewarganegaraan) tidak menemui titik noktah sungguhpun umum tahu 'orang perantauan' diberikan hak kerakyatan hanya dalam tempoh dua tahun sedangkan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan jelas mewajibkan kemastautinan sah sekurang-kurangnya 10 tahun," jelas beliau.

Dalam perkembangan sama, Ramasamy turut mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan mengadakan '*road show*' di seluruh negeri dalam usaha memberi panduan dan penerangan berhubung permohonan kerakyatan.

"Kita (Kerajaan Negeri) memandang serius isu ini dan akan terus membantu mereka dalam urusan dokumentasi permohonan secara lengkap mengikut prosedur yang ditetapkan oleh JPN," kata beliau.

**Statistik Permohonan dan Kes-kes Berjaya serta Tidak Berjaya pada tempoh 1 Februari 2013 - 30 Januari 2016**

| Bil. | Jenis Kes | Jumlah Kes-kes Berjaya | Jumlah Kes-kes Tidak Berjaya | Jumlah Keseluruhan (Permohonan) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Daftar Lewat Sijil Kelahiran | 24 | tiada | 157 |
| 2 | Daftar Lewat Kad Pengenalan | 8 | tiada | 64 |
| 3 | Permohonan Kewarganegaraan | 7 | 18 | 331 |
| 4 | Kes-kes Imigresen | 5 | 1 | 56 |
| 5 | Lain-lain Kes | 0 | tiada | 46 |
| 6 | Jumlah Kes | 44 | 19 | 654 |

## 200 tunai solat sunat mohon hujan



**USTAZ Mohd. Lukmanul Hakim Mokhtar membacakan khutbah khas dan kaifiat di hadapan kira-kira 200 jemaah yang menyertai solat sunat istisqa di Masjid Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.**

**PULAU BETONG –** Sebagai ikhtiar bagi memohon hujan sekaligus membendung keadaan cuaca panas dan kemarau berikutan kesan el-Nino sejak beberapa bulan lalu, kira-kira 200 penduduk sekitar hadir menunaikan solat sunat istisqa di perkarangan Masjid Daerah Barat Daya di sini, 28 Mac lalui

Solat sunat dianjurkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), diimamkan oleh Imam Masjid Daerah tersebut, Ustaz Mohd. Lukmanul Hakim Mokhtar.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim turut serta.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong yang juga Ahli Majlis, MAINPP Mohd. Tuah Ismail serta beberapa pimpinan tempatan.

Turut diadakan bacaan khutbah khas dan kaifiat (panduan) berkaitan solat sunat istisqa sebagaimana disediakan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Penjamin 1 : CHEE KANG KAI - 80041407**** 58-3-14 JALAN KURAU FLATS, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : YU SEE YEONG - 80122708**** A-829 JALAN PEKELILING, POKOK ASSAM, TAIPING, 34000 PERAK

HAK MILIK KEKAL

5% Diskaun untuk Bumiputera

tree sparina
living in the moment

Bersantai dalam percutian mewah sepanjang masa







Pemaju : Ideal Homes Properties Sdn. Bhd.
No. Lesen Pemaju : 1784-1/09-2016/02367 (L)
No. Permit Iklan : 1784-1/09-2016/02367 (P)
Pegangan : Disember 2016
Tarikh Projek Dijangka Siap : Sijil Kebenaran Merancang No. JPB/KM/4916A
No. Kelulusan Pihak Berkuasa

Pejabat Jualan : 71, Ideal @ The One, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel : 604 - 6456 888 Faks : 604 - 6457 888
Tempoh Sah Lesen : 7/9/2015 - 6/9/2016
Tempoh Sah Permit : 7/9/2015 - 6/9/2016
Bebanan : Tiada
Pihak Berkuasa Meluluskan : Majlis Perbandaran Pulau Pinang
No. Kelulusan Pelan Bangunan : MPPP/OSC/PB(5807)/13(LB)

Hubungi kami di 04-6456 888

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :*
*Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri*
*Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang*
*Tel : 04-6505 242 • Fax : 04-2622 904*


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10534
Peminjam : INTAN ISMIDA BINTI ISMAIL - 86032935****
NO.1568 PERMATANG TOK GELAM
13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : FARIDAH BTE MUSTAPA - 60021807****
1568 PERMATANG TOK GELAM
13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : CHE HAIZAN BINTI ALI - 58082703****
577 MK 4, PERMATANG JANGGUS
13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 10548
Peminjam : SURESH A/L SINNAPAYAH - 85112008****
NO.1-02 RUMAH PANGSA, JALAN CHANDA SHERIFF 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : SINNAPAYAH A/L KUPPAN - (MENINGGAL DUNIA)
1-02 RUMAH PANGSA JLN CHANDA SHERIFF, TAMAN SENTOSA 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : CHINAKANNE A/P SAMY RENGAPPAN - 57111307****
22 LORONG BISTARI 9, TAMAN BISTARI, 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 10552
Peminjam : CHAN YUK CHOON - 81082407****
NO.104 TAMAN SRI KULIM
09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : CHAN SHWU WEN - 77012702****
NO.104 TAMAN SRI KULIM
09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : TAN HOP YEE - 55011502****
NO.1448 JALAN 4 , TAMAN SELASIH
09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 10558
Peminjam : NORHAYATI BINTI ZAINO ABIDIN - 83092608****
A-1-12 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10150 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NOORSALMIEDA AYU BINTI MOHD NOOR - 80031207****
A-1-12 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : UBAIDULLAH BIN S M ABU BAKAR - 58042707****
BLOK 35B-3-2 KUARTERS PERGURUAN, JALAN MOUNT ERSKINE 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 10560
Peminjam : MELANIE CHRISTINA A/P GANAPRAGASAM - 84082607****
2-9-8 LENGKOK NIPAH 3, TAMAN JUBLEE, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUNISWARI A/P KESAVAN - 76120907****
1-2-2 PEKAKA FLATS, JALAN PEKAKA 2, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAVENDREN A/L JAYAPRKAS - 78122807****
1-2-2 PEKAKA FLATS, JALAN PEKAKA 2, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10563
Peminjam : SHAMALA DEVHI A/P BHASKARAN - 85022507****
NO. 119 PERSIARAN JELAPANG 13, TAMAN SILIBIN 30100 IPOH, PERAK
Penjamin 1 : RAJAMANI A/P SUBRAMANIAM - 58011507****
20 LORONG SEJAHTERA 13, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : VANETHAMONI A/P BHASKARAN - 80092907****
75 JALAN ALMA JAYA, TAMAN BUDIMAN 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10566
Peminjam : NOR RAZLEEN BINTI ABDUL RAZAK - 81101307****
800 MK 11 SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORITA BINTI IBRAHIM - 72021007****
1-G-23 TINGKAT TELUK KUMBAR, BANDAR BARU TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GHAZALI BIN MAT HUSSAIN - 54041007****
PLOT 124 KAMPUNG TERSUSUN, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 10568
Peminjam : MUHAMMAD HAFIDZ BIN ADNAN - 84122307****
NO.36 LORONG SERI SERDANG 4/7, TAMAN SERI SERDANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAHANI BINTI SUTAN - 57120507****
NO. 36 LORONG SERI SERDANG 4/7, TAMAN SERI SERDANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN ISMAIL - 58081407****
2173 LORONG SELASIH 9E/4, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 10569
Peminjam : NEELAVANAN A/L MATHIALAGAN - 84092607****
BLOK 5-10-2 DESA MAWAR, LINTANG KAMPUNG MELAYU 2, FARLIM 11500 AIR ITAM
Penjamin 1 : MATHIALAGAN A/L N RAMASAMY - 54102202****
68-4-3 PANGSAPURI MESRA, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : VICNESWARI A/P SELVADURAI - 84021807****
715-0-6 JALAN SUNGAI NIBONG 11900 SUNGAI NIBONG , PULAU PINANG

No Akaun : 10571
Peminjam : ARVINDAN A/L PARANJOTHY - 84022707****
NO.17 LORONG KERAPU 5, TAMAN KERAPU, JLN PERMATANG PAUH 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : KAMALAM A/P LETCHUMANAN - 45081307****
14 JALAN LINTANG RIANG, TAMAN ABDUL AZIZ 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MANGALESWARY A/P V KUMARASAMY - 70092808****
14 JALAN LINTANG RIANG, TAMAN ABDUL AZIZ 12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 10574
Peminjam : SITI MAISARAH BINTI MOHAMAD NOR - 85110814****
NO. 2 LORONG PERDA TIMUR 11, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MOHAMAD NOR BIN ISMAIL - 52092608****
NO. 2 LORONG PERDA TIMUR 11, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHAMED ISA BIN KHALID - 52111808****
24 PESIARAN WIRA JAYA BARAT 72, RAPAT SETIA BARU 31350 IPOH, PERAK

No Akaun : 10577
Peminjam : MARLYANA AZYYATI BINTI MARZUKI - 79032407****
1335 MK 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : HAMIDAH BINTI HASHIM - 65110407****
627 KAMPUNG SEKOLAH JURU 14120 SIMPANG EMPAT , SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : NORJASMI AZIRA BINTI MD NOR - 74072209****
9 LORONG ASAM PAYA , TAMAN SURIANI, KANGAR 01000 PERLIS

No Akaun : 10509
Peminjam : MUHAMMMAD SHAHRIZAL BIN ABDULLAH (YADEV KUMAR A/L BATHAMANATHAN) – 85060307****
1693 LORONG 3, KAMPUNG BARU, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : VASU A/L VENGADASON - 63051707****
NO. 65 LORONG SEJAHTERA 2, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NYANAMBAL A/P R MARIMUTHU - 56070707****
TAPAK 23 TAPAK PENEMPATAN SEMULA, JLN KG BENGGALI, SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH

No Akaun : 10580
Peminjam : SHARIFAH SHAHNAZ BT SYED BAHARUDDIN - 80073007*****
17-2-2 LEBUH MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SYED BAHARUDDIN BIN SYED HASHIM - 53122008****
17-2-2 LEBUH MAHSURI, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SULAIMAN BIN MOHAMED - 56051908****
94 PERSIARAN MAYANG PASIR 4, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

# Labur RM50 juta, Atotech harap produktiviti berkembang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT TAMBUN** – Atotech (Malaysia) Sdn. Bhd. (Atotech) melabur RM50 juta dengan membuka sebuah kilang produk berasaskan kimia di Pulau Pinang, sungguhpun pengeluarannya dalam pasaran global sedikit menguncup dalam tempoh tiga bulan sejak hujung tahun lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap, pemilihan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan bakal mengembang kembali produktiviti syarikat dari Jerman itu ke peringkat Asia Tenggara.

"Dalam iklim ekonomi tidak menentu, terbukti bahawa Pulau Pinang masih berdaya tahan dan masih berdiri sebagai destinasi pelaburan pilihan.

"Selain Atotech, kami (Pulau Pinang) berbangga kerana sebahagian besar pelaburan langsung asing (FDI) ini adalah dari Jerman, seperti Bosch, B Braun, KMWE, Multitest, Zestron dan Osram," katanya pada Majlis Pembukaan Kilang Baharu Atotech (Malaysia) Sdn. Bhd. di Taman Sains Pulau Pinang dekat Batu Kawan, 11 Mac lalu.

Pada 8 Mac lalu, Pulau Pinang baru menerima pelaburan RM100 juta dalam tempoh lima tahun, KLS Martin, iaitu sebuah firma peranti perubatan terkenal dari Jerman juga.

Difahamkan, Atotech sejak tahun 1998 melabur di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, dan terbaru melabur RM50 juta lagi di negeri ini sahaja.

Sekarang, firma itu mempunyai 30 pekerja, dan dijangka meningkat pada angka 50 orang kelak.

Mengulas lanjut, Guan Eng berharap, Atotech turut dapat bekerjasama dengan agensi negeri, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dalam meningkatkan pengalaman mahir dalam kalangan pelatih tempatan.

Ini kerana, katanya, di PSDC ketika ini sedang melaksanakan sistem pendidikan vokasional antarabangsa dari Jerman di pusat latihan berkaitan juga.

Sebelum itu, Presiden Atotech, Reinhard Schneider melahirkan harapan bahawa pelaburan ke Pulau Pinang akan mengembangkan semula potensi pemasaran firma itu, khususnya di peringkat Asia Tenggara.

"Di Pulau Pinang, kami (Atotech) dekat dengan kedua-dua pelanggan berpotensi dan pelanggan sedia ada.

"Ini, membolehkan kami (Atotech) lebih memahami keperluan mereka serta iklim



**KETUA Menteri sambil diiringi Reinhard Schneider (kanan sekali) meninjau operasi Atotech pada majlis pembukaan kilang baharunya di Taman Sains Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

persaingan semasa.

"Lagipun, Pulau Pinang menawarkan (guna tenaga) profesional mahir yang boleh menyokong pelan pembangunan masa depan kami," jelas Schneider.

Penasihat Khas kepada Ketua Menteri, Datuk Lee Kah Choon, Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC), Loo Lee Lian (Pengurus Besar investPenang), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) serta Pengarah Lembaga Pelaburan Perindustrian Malaysia (MIDA) Pulau Pinang, Azhana Mohamed Saleh turut sertai majlis itu.

## PDC agensi KN pertama amal Dasar Pemberi Maklumat

**BAYAN BARU** – Pemberi maklumat mengenai pelanggaran tatakelakuan seperti amalan rasuah umpamanya dalam Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan dilindungi, melalui pelaksanaan Dasar Pemberi Maklumat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, PDC adalah agensi Kerajaan Negeri yang pertama melaksanakan dasar integriti tersebut.

"Beberapa langkah integriti telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagai inisiatif dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bersih.

"Antara yang telah kita lakukan ialah menginstitusikan pengisytiharan harta secara terbuka oleh Ketua Menteri dan barisan EXCO; melaksanakan tender terbuka yang kompetatif; tidak membenarkan ahli keluarga untuk melibatkan diri dalam kontrak kerajaan; melarang ADUN dan ahli pentadbiran daripada meluluskan permohonan tanah Kerajaan Negeri dan tidak menerima *'donation'* ('sumbangan')," katanya semasa merasmikan Majlis Pelancaran Dasar Pemberi Maklumat (Whistleblower Policy) Sempena Hari Integriti PDC di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II,



**PEGAWAI SPRM menerangkan kandungan buku yang dipamerkan kepada salah seorang kakitangan PDC pada Majlis Pelancaran Dasar Pemberi Maklumat (Whistleblower Policy) Sempena Hari Integriti PDC di sini baru-baru ini.**

Prof. Dr. P. Ramasamy, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM), Dr. Anis Yusal Yusoff dan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Pulau Pinang, Datuk M. Samarajoo turut sertai majlis itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng memberitahu bahawa amalan integriti melalui prinsip CAT atau Cekap, Akauntabel dan Telus sejak tahun 2008 telah membawa manfaat ekonomi kepada Kerajaan Negeri dan rakyat.

Katanya, Kerajaan Negeri dalam tempoh lapan tahun antara 2008 hingga 2015 mencatatkan pelaburan sebanyak RM55 bilion, dengan peningkatan 90 peratus berbanding RM29 bilion jumlah pelaburan dalam tempoh lapan tahun sebelum itu, daripada 2000 hingga 2007.

Lanjutan itu, tambah Guan Eng, Kerajaan Negeri berjaya mendapat beberapa pengiktirafan antarabangsa serta pulangan berupa 'deviden integriti', melalui sektor pelaburan, pelancongan serta Penyumberan Luaran Proses Perniagaan (BPO).

"Pulau pinang juga diklasifikasikan antara 31 teratas bagi lokasi BPO di masa hadapan oleh KPMG 'Meneroka Frontiers Global'.

"Sektor pelancongan turut menunjukkan peningkatan kemasukkan pelancong apabila PIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang) mencapai kapasiti penuh sebanyak 6.3 juta pada 2015 dengan jangkaan tahun ini (2016) akan meningkat kepada 6.5 juta penumpang, iaitu melebihi lima tahun lebih awal daripada sasaran pada tahun 2020," jelasnya.

# Dasar Pengasingan Sisa Di Punca harap panjangkan hayat Pulau Burung

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MACHANG BUBUK –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) memperuntukkan sejumlah peruntukan khas bagi menjayakan inisiatif Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, bagi tahun ini, kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memperuntukkan sejumlah RM95.64 juta bagi MBPP dan RM98.99 juta (MPSP) melibatkan kos pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

"Oleh itu, saya percaya, kita (Kerajaan Negeri dan PBT) perlu meningkatkan kesedaran rakyat untuk terus mengamalkan pengasingan sisa di punca bagi menjayakan usaha ini," ujarnya pada Majlis Pelancaran Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Kategori Taman Perumahan dekat Taman Seri Impian, Alma di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yakin dan percaya bahawa usaha yang dilaksanakan kedua-dua PBT tersebut mampu memanjangkan hayat tapak pelupusan sampah di Pulau Burung sekaligus menikmati penjimatan kos pengurusan sehingga 50 peratus PBT-PBT berkaitan.



**CHOW Kon Yeow (empat dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenang-kenangan dengan kanak-kanak yang terlibat dalam Majlis Pelancaran Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Kategori Taman Perumahan dekat Taman Seri Impian, Alma di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Maimunah memberitahu, sekiranya penduduk Seberang Perai dapat mengurangkan sisa sebanyak 50 peratus, iaitu dari 1,100 tan sehari yang dicatatkan kini kepada 550 tan, penjimatan yang bakal dinikmati MPSP dalam tempoh setahun adalah RM3,999,600.

Terdahulu, inisiatif serupa turut diluncurkan di bahagian pulau di syarikat Penfabric Sdn. Bhd. (bagi Kategori Kilang) dan Taman Lone Pine Resort & Kondominium (Kategori Kondominium).

Sebelum ini, ia turut diperkenalkan di beberapa premis mengikut kategori seperti rumah kampung, rumah taman, projek perumahan rakyat (PPR), kondominium, kilang, hotel, outlet makanan, pusat membeli-belah dan kompleks kerajaan.



**MAJLIS Pelancaran Projek Perintis Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Bagi Kategori Kilang yang berlangsung di syarikat Penfabric Sdn. Bhd. baru-baru ini.**




## Baucer demi jayakan kempen e-*waste*



**PHEE Boon Poh (dua dari kiri)) diberi taklimat ringkas oleh salah seorang jawatankuasa penganjur pada Majlis Pelancaran Kempen Pengumpulan Sisa Boleh Dikitar Semula di sini baru-baru ini.**

**TANJUNG BUNGA –** Pusat membeli-belah Straits Quay Retail Marina menganjurkan kempen pengumpulan sisa yang boleh dikitar semula, termasuk barang-barang elektrik dan elektronik terbuang *(e-waste)* baru-baru ini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berharap inisiatif itu dapat menggalakkan orang ramai melupuskan *e-waste* dengan keadah yang betul.

"Kempen ini akan mendidik orang ramai untuk mengendalikan peralatan rumah yang tidak dipakai lagi dengan cara yang betul dan lebih selamat," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu pada Majlis Pelancaran Kempen Pengumpulan Sisa Boleh Dikitar Semula di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Promosi dan Pengiklanan Straits Quay Retail Marina, Amy Lee.

Menurut Amy, pihaknya menyediakan baucer bernilai RM5, RM10 dan RM15 demi menggamit minat pengunjung ke sini.

"Orang ramai boleh menyerahkan peralatan seperti komputer riba, kamera, telefon bimbit, CPU ataupun peralatan elektrik dan elektronik rumah kepada kaunter penerangan di sini.

"Insentif dalam bentuk baucer tunai akan diberikan mengikut kategori *e-waste* yang dilupuskan," ujarnya sambil menyatakan bahawa kempen berkaitan berlangsung selama dua bulan iaitu mulai 12 Mac 2016 hingga 1 Mei ini.

# YDP harap PICCS jadi acara tahunan promosi Seberang Perai

Para peserta dikehendaki berenang merentasi Selat Melaka sejauh 6.5 kilometer (km) bermula dari Persiaran Gurney (bahagian pulau) dan berakhir di Pantai Bersih, Bagan Ajam, Butterwoth.

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TELUK AIR TAWAR –** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Datuk Maimunah Mohd. Sharif berhasrat menjadikan penganjuran *Penang International Cross Channel Swim* (PICCS) sebagai acara tahunan dalam usaha mempromosikan Seberang Perai sebagai salah satu destinasi pelancongan negeri.

Ujarnya, kejohanan bertaraf antarabangsa seperti PICCS bukan sahaja mampu mempromosikan Pulau Pinang secara keseluruhannya, tetapi juga menjadikan Seberang Jaya sebagai lokasi pilihan pelancong negeri ini.

"Selain acara tahunan bertaraf antarabangsa seperti larian Jambatan Pulau Pinang, PICCS juga dilihat mampu menarik penyertaan dari luar negara.

"Misalnya tahun ini, PICCS berjaya menarik 173 penyertaan dari negara-negara seperti Sepanyol, China, Sweden dan Jepun...tidak mustahil jika dijadikan acara tahunan, lebih banyak penyertaan akan diterima pada masa-masa akan datang," katanya ketika hadir menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah 2nd Penang International Cross Channel Swim di sini baru-baru ini.



GAN Jie Hui.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud, Soh Yew Siang (Naib Presiden Persatuan Renang Amatur Pulau Pinang) dan Li Hong Qi (Pengerusi Persatuan Renang Zhenghou, China).

Difahamkan, pada kejohanan kali ini, sejumlah 173 penyertaan diterima bagi edisi kedua berbanding 169 tahun lalu.

Dalam pertandingan tersebut, para peserta dikehendaki berenang merentasi Selat Melaka sejauh 6.5 kilometer (km) bermula dari Persiaran Gurney (bahagian pulau) dan berakhir di Pantai Bersih, Bagan Ajam di sini.



CHONG Eng (dua dari kanan) 'melepaskan' para peserta 2nd Penang International Cross Channel Swim di sini baru-baru ini.

Peserta muda berusia 12 tahun dari Melaka, Gan Jie Hui memenangi tempat kedua bagi Kategori Wanita Bawah 40 Tahun dengan catatan masa 2 jam 56 minit di belakang perenang dari Sepanyol, Lorena Peral Fernandez, 34 (2:41) yang muncul juara bagi kategori tersebut.

Peserta Sepanyol, Jose Luis Larrosa Chorro, 35, mengungguli Kategori Lelaki Bawah 40 Tahun dengan catatan masa 1:41 meninggalkan perenang tempatan, Loo Yun Ting yang menduduki tempat kedua (2:01).

Bagi kategori atas 40 tahun, ia dimenangi oleh perenang dari negara China bagi kedua-dua kategori iaitu Wang Zhiyong, 41, bagi kategori lelaki dengan catatan masa 2:41 dan Zhang Changhua, 46 (wanita, 3:14).

# ADUN harap TAMPIL 2.0 tingkat kesedaran wanita

**DATUK KERAMAT –** Agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) berharap penganjuran Pesta Tampil Komuniti (TAMPIL 2.0) dapat meningkatkan kesedaran golongan wanita mengenai isu-isu gender serta pembangunan kapasiti kendiri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata demikian pada Majlis Pelancaran TAMPIL 2.0 Peringkat Parlimen Jelutong, yang dirasmikan oleh Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

"Ini adalah program Siri Pemberdayaan Wanita anjuran PWDC.

"Perkatataan 'TAMPIL' bermaksud mara, atau bergerak ke hadapan, justeru, ianya berkait rapat dengan penyertaan seorang insan secara aktif serta dinamik dalam membangunkan diri dan masyarakat sekeliling," katanya pada majlis yang berlangsung di Dewan JKKK Kebun Lama di sini baru-baru ini.

Justeru, Siew Khim berharap lebih ramai wanita menyertai Briged Wanita Pulau Pinang (BWPP) di komuniti setempat masing-masing, dengan mendaftarkan diri di Pusat Khidmat ADUN atau melalui anggota JKKK.

TAMPIL adalah wajah baru daripada Pesta Santai Rakyat, iaitu siri program karnival pemimpin negeri bertemu komuniti setempat yang dianjurkan di kesemua lima daerah di negeri ini pada tahun lalu.

Pesta Santai Rakyat dan TAMPIL 2.0 diilhamkan oleh Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.




JAGDEEP Singh Deo (berbaju putih) bersama-sama Briged Wanita Datuk Keramat menunjukkan tanda 'bagus' pada Majlis Pelancaran TAMPIL 2.0 di Dewan JKKK Kebun Lama di sini baru-baru ini.

Dalam itu, Jagdeep dalam ucapannya pula memberitahu, bukti Kerajaan Negeri hari ini menghargai wanita antaranya adalah dengan melantik mereka yang layak mengetuai beberapa agensi negeri lain, seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan *investPenang*, PWDC, Perbadanan George Town Bandar Warisan (GTWHI) dan *Penang Green Council* (PGC).

Dalam perkembangan lain, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat turut memuji PWDC kerana menganjurkan kempen *'Penang Goes Orange'*, dengan tema 'Hentikan Keganasan, Hormati Wanita' sejak 2014, demi membendung kes keganasan rumah tangga dan rogol.

Sebarang pertanyaan, layari *info@pwdc.org.my* atau terus hubungi talian 04-261 2835/04 - 261 5261




1. Senaraikan 8 kategori utama Dasar Pengasingan Sisa Di Punca?

_______________ _______________
_______________ _______________
_______________ _______________
_______________ _______________

2. Berapakah jumlah kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi negeri Pulau Pinang?

_______________

**Soalan Siri Pertama (1-15 April 2016)**

Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

No. Telefon : (Rumah) ____________ (Bimbit) : ____________

Emel: ______________________

**Pastikan butiran berikut diisi lengkap*



# ASINGKAN SISA ANDA

## Pelaksanaan Mulai 1 Jun 2016



### SISA KITAR SEMULA



**KERTAS**

CONTOH:
surat khabar / kotak / majalah / kadbod / buku



**PLASTIK**

CONTOH:
botol plastik / bekas plastik / beg plastik /bekas makanan plastik / baldi plastik



**KACA**

CONTOH:
botol kicap / botol minuman



**TIN ALUMINIUM/ BESI/LOGAM**

CONTOH:
tin aluminium / tin makanan / besi / logam




### SISA BAKI



* Gambar daripada http://www.swcorp.my/SAS/

**SISA MAKANAN**

CONTOH:
kulit buah-buahan / sayur-sayuran / kulit telur / nasi



* Gambar daripada http://www.swcorp.my/SAS/

**SISA KOTOR**

CONTOH:
lampin pakai buang / tisu kotor / bahan-bahan kotor / kotak / kertas tercemar

### PENGENALAN

Pengasingan sisa di punca akan dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang bermula **1 Jun 2016**. Semua premis diwajibkan untuk mengasingkan sisa sekurang-kurangnya kepada dua aliran iaitu sisa kitar semula kering dan sisa baki.

**MENGURANGKAN** jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan

**MENINGKATKAN** jangka hayat tapak pelupusan

**MENINGKATKAN** kadar kitar semula

**MENGURANGKAN** penggunaan sumber

HOTLINE:
MBPP : 04-263 7637
MPSP : 04-549 7555
Penang Green Council : 04-250 3322

# Berita tikus sebesar ayam melampau, respons Ahli Majlis

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PADANG KOTA –** Berita mengenai tikus sebesar arnab dan ayam, yang disiarkan dalam sebuah akhbar berbahasa Cina pada 6 Mac lalu seakan tidak benar serta wajar diangap sebagai laporan melampau, respons Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu, beliau sendiri ada menghubungi penulis berita terbabit, namun individu berkenaan gagal mengemukakan bukti berwajib.

"Saya ingin menasihatkan, jika hendak menulis artikel 'berbunga-bunga' sekalipun, tidak perlu sampai melanggar etika (kewartawanan)," responnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, tiga Ahli Majlis MBPP lain, Ahmad Azrizal Tahir, Joseph Ng Soon Siang dan Ahmad Razaaim Azimi.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu, MBPP sememangnya melakukan pemeriksaan berkala di tempat-tempat tumpuan umum, terutamanya lokasi yang terletak di bawah selenggaraan pihak majlis seperti kompleks makanan, pasar dan lain-lain.

"Bagi saya, dalam isu tikus, mana-mana tempat di dalam dunia walaupun di negara maju seperti United Kingdom, Jepun dan Singapura juga menghadapi masalah tersebut dan kita perlu langkah pengawalan yang sempurna," jelasnya.

Tambah Ah Teong, seramai 14 anggota MBPP bertanggungjawab dalam menangani isu tikus, dengan melakukan pemeriksaan sekerap dua atau tiga operasi tiap-tiap bulan.

"Selain itu, sejak tahun 2013, MBPP juga mewajibkan semua kedai makan, restoran, hotel dan kedai kopi perlu melantik syarikat kawalan serangga serta haiwan perosak bagi memastikan premis masing-masing terkawal dari masalah tersebut. Itu juga salah satu syarat untuk memperbaharui lesen perniagaan," ujarnya.

MBPP sepanjang tahun 2009 hingga Februari 2016 direkodkan berjaya menangkap sebanyak 112,608 ekor tikus.



ONG Ah Teong (tengah) menunjukkan gambar operasi membasmi populasi tikus di pasar-pasar awam sekitar bahagian pulau pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Pesta Pinggiran Butterworth, 13 & 14 Ogos

**SEBERANG JAYA –** Pesta Pinggiran Butterworth Kedua 2016 (BFF) kembali lagi pada 13 dan 14 Ogos depan di perkarangan Jalan Jeti Lama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap festival itu suatu hari nanti adalah semeriah *Adelaide Fringe* dekat Australia, yang dikenali sebagai festival kedua terbesar dunia dengan lebih 900 acara.

BFF mulai dianjurkan pada tahun lalu, manakala *Adelaide Fringe* pula sejak 1960.

"Ini, adalah usaha bersama Kerajaan Negeri dan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) untuk membangunkan kawasan Seberang Perai sebagai medan seni dan budaya," katanya pada sidang media promosi BFF 2016 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Joe Sidek (Pengarah BFF) serta para Ahli Majlis MPSP.

Maimunah dalam pada itu memberitahu bahawa BFF merupakan festival pinggiran pertama dianjurkan di Malaysia dan tiada seumpama ini di negeri-negeri lain.

Manakala, Jeo Sidek pula berharap promosi media dapat menggandakan jumlah pengunjung ke BFF 2016 nanti, berbanding kira-kira 30,000 orang pada tahun lepas.

Tahun lalu, BFF memaparkan keunikan persembahan kategori jalanan, penerangan, kepelbagaian makanan dan acara permainan dari tempatan dan antarabangsa, selama dua hari.

# MBPP rangkul juara futsal lelaki MAKSAK 2016



PATAHIYAH Ismail (berdiri, empat dari kanan) dan Hakmal Effendi Ishak (berdiri, lima dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama para pemain futsal MBPP yang muncul juara dalam Kejohanan Futsal Lelaki MAKSAK Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MBPP**

**MACHANG BUBUK –** Pasukan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) muncul juara dalam Kejohanan Futsal Lelaki Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK) Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut sekaligus melayakkan pasukan MBPP untuk mewakili negeri Pulau Pinang ke kejohanan futsal peringkat kebangsaan yang bakal diadakan pada 14 hingga 17 April ini di Melaka.

Selaku juara, pasukan MBPP dan USM yang meraih naib juara menerima hadiah berupa medal dan cenderamata kejohanan.

Pasukan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) berkongsi kedudukan tempat ketiga. Kedua-dua pasukan berkaitan membawa pulang medal serta cenderamata kejohanan.

Pemain dari MBPP, Mohd. Haziq Mohd. Yusoff dinobatkan sebagai 'Pemain Terbaik' kejohanan.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail sambil diiringi Setiausaha MAKSAK Pulau Pinang, Hakmal Effendi Ishak dan Setiausaha Kerja MAKSAK Pulau Pinang, Yusbita Yaacob.

# Kompaun RM100 guna pelekat kenderaan OKU palsu

**PADANG LALANG –** Mereka yang menggunakan pelekat kenderaan orang kurang upaya (OKU) palsu akan berdepan tindakan penguatkuasaan, termasuk kompaun tanpa diskaun RM100 dari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ahli Majlis MPSP, Dr. Tiun Ling Ta memberitahu, pelekat kenderaan berlogo MPSP, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Kerajaan Negeri Selangor serta yang dikeluarkan Persatuan Orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM) sahaja diiktiraf sah di negeri ini.

"Sesetengah sanggup membeli pelekat OKU palsu, untuk kenderaan yang bukan dimiliki oleh OKU atau penjaga (OKU) yang sebenar.

"Kerana POCAM tidak menghadkan pembelian pelekat OKU dan MPSP tidak mahu penyalahgunaan pelekat kenderaan yang dikeluarkan oleh persatuan itu, mereka yang menggunakan parkir khas wajib mempamerkan kad OKU dari dalam kereta untuk mengelak risiko saman.

"Direktorat (Penguatkuasa MPSP) akan dilatih untuk mengenalpasti pelekat sah dan pelekat (palsu) yang dibeli," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis MPSP lain, Heng Yeh Shiuan serta Bee Eu Tan (wakil firma perunding jurutera bangunan khas OKU) turut sertai sidang media itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Ling Ta memberitahu, pihaknya sedang berunding dengan pemilik tapak parkir persendirian seperti pemilik pasar raya TESCO dan AEON, supaya turut mencegah penyalahgunaan parkir OKU sebagaimana dikuatkuasakan MPSP kini.

"Penguatkuasaan MPSP sendiri sebenarnya terbatas kepada parkir awam sahaja, tidak parkir persendirian seperti di pasar raya.

"Kita (MPSP) sedang pertimbang untuk memasukkan perkara menguatkuasakan parkir OKU ini dalam syarat permohonan bagi lesen (premis komersial), sekiranya penyalahgunaan parkir OKU di kawasan-kawasan yang dikenalpasti masih berlaku," katanya.

Di Pulau Pinang, terdapat kira-kira 32,000 OKU berdaftar, tetapi sejumlah 721 pelekat kenderaan OKU sah sahaja dikeluarkan.

Mengulas lanjut, Ling Ta memberitahu, 379 pelekat kenderaan dikeluarkan untuk pemandu OKU, manakala penjaga OKU (342).

"Di bahagian Seberang Perai, MPSP menyediakan 59 petak parkir khas untuk OKU demi mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih inklusif.

"Berbanding dengan (722) jumlah pelekat kenderaan yang dikeluarkan, tempat letak kereta OKU yang disediakan hanya 8.17 peratus sahaja.

"(Bilangan parkir OKU) ini amat terhad dan lebih teruk lagi apabila ia disalahgunakan," ujar beliau.



DR. Tiun Ling Ta menunjukkan contoh pelekat kenderaan OKU dan kad OKU yang sah pada sidang media di sini baru-baru ini.

## Hadapi risiko hukuman penjara jika maju tanah tanpa kebenaran MBPP

**GEORGE TOWN –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail berkata, pihaknya melalui Timbalan Pendakwa Raya akan menggunakan akta yang lebih menjurus pada hukuman penjara ke atas mereka yang memajukan tanah secara 'haram' serta tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita serius menangani masalah ini sekarang, mana-mana pemilik tanah yang membuat kerja tanpa kebenaran Majlis, kita (MBPP) akan dakwa lebih kepada hukuman dipenjarakan.

"Namun, walaupun kita (MBPP) berhasrat berbuat demikian, kita hanya boleh minta, tetapi ia adalah tertakluk kepada keputusan mahkamah," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis dekat Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Ang Aing Thye, Ahli Majlis MBPP merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan, Joseph Ng Soon Siang dan Penasihat Undang-undang MBPP, Shamiah Bilal.

Menurut Patahiyah, tahun lalu, terdapat satu kes membabitkan satu pihak hampir dihukum penjara kerana melakukan kerja-kerja tanah secara 'haram' tanpa kebenaran MBPP, berdasarkan Seksyen 19 (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Namun, jelasnya, pesalah terbabit didenda sejumlah wang sahaja selepas permohonan maafnya diterima oleh Mahkamah.

Difahamkan, berdasarkan Seksyen 19 (1), pemilik tanah boleh dikenakan hukuman denda RM500,000 atau penjara untuk tempoh tidak melebihi dua tahun ataupun kedua-duanya sekali, jika didapati bersalah.

Manakala, menurut Seksyen 70 (a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 pula, mereka yang melakukan kerja-kerja menebang pokok, meratakan atau mengorek tanah tanpa kebenaran PBT boleh dihukum penjara tidak melebihi lima tahun atau denda jika disabitkan kesalahan.

**Sertai soal selidik Bajet MBPP 2017 melalui *www.mbpp.gov.my* mulai 28 Mac -1 Mei 2016.**

**Hubungi Bahagian Belanjawan dan Akaun, Akauntan, 04 - 259 2121/ *tbluan@mbpp.gov.my* atau Penolong Akauntan, 04-259 2140/ *su2@mbpp.gov.my.* untuk maklumat lanjut.**

## Simpang Masjid Terapung, Ahli Majlis gesa pasang lampu isyarat & lintasan pejalan kaki



(Dari kiri), SAMAD Fadzil, Roslan Abu Bakar dan Chris Lee Chun Kit menunjukkan simpang di hadapan Masjid Terapung Tanjung Bunga yang sering menjadi lokasi kemalangan, sejuru selepas sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**TANJUNG BUNGA –** Jabatan Kerja Raya (JKR) digesa segera memasang lampu isyarat serta mewujudkan lintasan pejalan kaki di persimpangan hadapan Masjid Terapung Tanjung Bunga di sini.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit berkata, trafik antara Jalan Batu Feringghi ke Persiaran Tanjung Bunga sememangnya kerap berlaku kemalangan dan ada di antaranya membawa maut.

"Ini melibatkan nyawa manusia dan ianya tidak boleh dikompromi.

"Pada awal Mac, seorang remaja (pelajar sekolah) terbabit kemalangan di sini dan patah tangan," ujarnya pada sidang media di lokasi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Kariah Masjid Tanjung Bunga, Roslan Abu Bakar dan Timbalannya, Samad Fadzil.

Dalam pada itu, Samad memberitahu bahawa aspek keselamatan di sini wajar dititikberat memandangkan masjid berkaitan sering kali dikunjungi pelancong tempatan dan luar negara.

"Pada bulan Disember 2015 pun sudah ada kemalangan maut di sini.

"Sebagai sebuah masjid pelancongan, kita perlu utamakan keselamatan pengunjung," ujarnya.

Tambah beliau, permohonan berwajib sebenarnya dikemukakan kepada pihak JKR sejak tahun 2010 lagi.

Namun, kata Samad, pihaknya dimaklumkan bahawa JKR tiada peruntukan untuk kedua-duanya projek penarafan yang dicadangkan itu.

# PBS Bukit Bendera terima dua jentera bomba kapasiti tinggi




RUPA bentuk jentera bomba berkapasiti tinggi yang diterima PBS Bukit Bendera baru-baru ini.

**AIR PUTIH** – Persatuan Bomba dan Penyelamat Sukarela (PBS) Bukit Bendera baru-baru ini menerima dua unit jentera bomba berkapasiti tinggi bernilai RM160,000 hasil sumbangan beberapa pihak termasuk Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkenaan.

Selain itu, jentera berkapasiti 14,800 liter tersebut turut memperoleh tajaan Kumpulan Ideal Property dan juga menerusi kutipan amal.

Guan Eng ketika hadir pada Majlis Perasmian Jentera Bomba Bertangki Bukit Bendera berkata, sumbangan tersebut secara tidak langsung membolehkan PBS Bukit Bendera mempertingkatkan keupayaan petugas, sekaligus memudahkan tugasan pada saat-saat kecemasan.

"Pengunaan jentera bomba berkapasiti tinggi ini selaras dengan hasrat pasukan untuk terus meningkatkan prestasi bagi membantu penduduk di kawasan ini dan sekitarnya.

"Saya harap mereka (PBS Bukit Bendera) dapat melaksanakan tugas sebaik mungkin," ucapnya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Turut serta, ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai serta wakil-wakil penaja dan ahli-ahli PBS Bukit Bendera.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng memberitahu, dengan sumbangan tersebut, PBS Bukit Bendera kini dilengkapi dengan empat unit jentera bomba (tiga unit bertangki serta satu unit tidak bertangki), dua ambulans dan bot kecemasan (2) bagi memudahkan tugas-tugas menyelamat.

Pusat Operasi PBS Bukit Bendera beroperasi 24 jam dengan kekuatan 40 ahli aktif.

Orang ramai di kawasan berdekatan boleh menghubungi talian **012 - 403 299**4 sekiranya berlaku sebarang kecemasan.



R.S.N. Rayer (barisan belakang, tengah) bersama-sama sekumpulan kanak-kanak meneliti bahan-bahan bacaan yang ditempatkan di Pusat Aktiviti Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

## Pusat Aktiviti Tmn. Tun Sardon harap beri manfaat pelajar setempat

**MANFAAT KEPADA PELAJAR...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer berharap inisiatif pihaknya mewujudkan Pusat Aktiviti Taman Tun Sardon di sini bakal mendorong para pelajar untuk terus mencapai kecemerlangan dalam pelajaran sekaligus mengubah nasib keluarga ke arah yang lebih baik kelak.

Katanya, selain menjadi tempat ulangkaji, pusat tersebut turut dilengkapi dengan perpustakaan mini dan ruang bacaan yang selesa.

"Dibuka pada jam 8 malam hingga 10 malam untuk Isnin hingga Jumaat. Pada hari minggu, waktu operasi adalah dari 10 pagi sehingga 12 tengah hari.

"Diharap ia dapat memberi manfaat khususnya kepada pelajar sekolah yang tinggal berdekatan untuk belajar secara berkumpulan," katanya ketika hadir pada Majlis Perasmian Pusat Aktiviti Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

## 'Lebuh raya' Paya Terubong dijangka siap 2019 - ADUN



YEOH Soon Hin (kanan) berbincang dengan Zainuddin Mohd. Shariff berkenaan status perkembangan projek pembinaan sebahagian jalan berkembar Jalan Paya Terubong pada mesyuarat di sini baru-baru ini.

Oleh : **S. HEMAWATHI**

**PAYA TERUBONG** – Fasa satu projek pembinaan sebahagian jalan berkembar di sini bermula pada 14 Januari lalu dan dijangka siap pada tahun 2019.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin berharap projek penarafan yang menghubungkan Jalan Paya Terubong dengan Jalan Tun Sardon mampu menangani cabaran trafik sesak, khususnya pada waktu puncak nanti.

Katanya, projek yang disyorkan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng itu menelan belanja berjumlah RM275.6 juta, termasuk caj Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

"Pembinaan jalan alternatif sepanjang 5km (kilometer) ini bakal melancarkan laluan susur keluar (Bukit Jambul- Jalan Tun Sardon) sekaligus melibatkan laluan jejambat sepanjang 800 meter.

"Kita jangka berlaku pertambahan trafik sebaik sahaja jalan berkembar Paya Terubong mula beroperasi berikutan projek pembangunan dan perumahan diterajui Geo Valley dan PLB di kawasan terbabit," katanya selepas menghadiri mesyuarat bersama-sama pemaju projek itu, Yuta Maju Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh serta dua Jurutera Lalulintas & Pengangkutan Awam (1) Jabatan Kejuruteraan MBPP, Zainuddin Mohd. Shariff dan wakil pemaju, Ir. Koo Seng Fatt.

Menurut Soon Hin, pemajuan jalan berkembar itu akan menjadi jalan pintas ke Lebuhraya Thean Theik dan Jalan Tun Sardon, dengan kurangan 30 minit waktu perjalanan, berbanding laluan trafik sedia ada.

"Projek ini bakal memberi impak positif terhadap pembangunan infrastruktur serta keadaan aliran trafik secara keseluruhannya," jelas beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Soon Hin memberitahu, pemajuan projek itu sekaligus akan mewujudkan suatu laluan basikal terancang di sepanjang jalan raya baharu tersebut.

# ADUN harap naik taraf sistem paip Kg. Tonghai 2 siap Mei

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**JAWI** – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memperuntukkan RM120,000 untuk menukar serta menaiktaraf sistem perpaipan di Kampung Tonghai 2, dekat Parlimen Nibong Tebal.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berharap projek penarafan itu siap mengikut jadual, pada bulan Mei ini.

"Saya berharap dengan siapnya kerja-kerja menukar paip air ini, kesulitan penduduk kampung sejak sekian lama bakal diatasi tidak lama lagi.

"Mereka tidak perlu lagi bimbang bekalan akan terganggu atau pun (menghadapi) tekanan air rendah," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Difahamkan, projek penarafan tersebut membabitkan sistem perpaipan sepanjang 350 meter yang terdiri oleh penukaran paip sedia ada kepada 100 milimeter (mm ) atau bersamaan empat inci.

Awal tahun lalu, penduduk setempat telahpun memohon kepada pengurusan PBAPP agar menaiktaraf sistem perpaipan di kampung mereka.

Pun begitu, PBAPP meluluskan peruntukan berwajib tersebut, selepas campur tangan langsung daripada Lip Chee.




**SOON Lip Chee (duduk) meneliti kerja-kerja pemasangan paip 100 MM yang sedang dijalankan, sambil ditemani beberapa pemimpin komuniti Kampung Tonghai 2 di sini baru-baru ini.**

## Umum dan MBPP perlu kerjasama elak longkang tersumbat





**KAKITANGAN 3D MBPP yang bertungkus-lumus membersihkan saluran longkang pada penganjuran gotong-royong di Changkat Minden Jalan 15, di sini baru-baru ini.**

***Dirty, Dangerous dan Difficult (3D)...*** Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan menyeru supaya orang ramai khususnya penduduk Taman Brown, Batu Uban di sini dapat memberi kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit untuk tidak sewenang-wenangnya membuang sampah ke dalam longkang.

Katanya, tindakan tersebut (membuang sampah) bakal menyebabkan longkang-longkang tersumbat sehingga menyebabkan gangguan sistem saliran di Changkat Minden Jalan 15, di sini khususnya.

"Kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan amaran denggi oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) Februari lalu.

"Justeru, saya berharap Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Brown dapat menganjurkan aktiviti gotong-royong dengan lebih kerap atau setidak-tidaknya dua bulan sekali bagi membendung pembiakan nyamuk Aedes khsusnya," katanya pada program gotong-royong berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Majlis MBPP, Gan Ay Ling dan Pengerusi JKKK Taman Brown, M. Shan Tha.



**SEBAHAGIAN penduduk Pangsapuri Mutiara Idaman 1 bertungkus-lumus membersihkan kawasan kediaman mereka dalam penganjuran program gotong-royong di sini baru-baru ini.**

## Sepakat jaga kebersihan basmi penyakit berjangkit

**SEPAKAT JAGA KEBERSIHAN...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim baru-baru ini sepakat dan turun padang untuk terlibat sama dalam aktiviti gotong-royong anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jelutong bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Pangsapuri Mutiara Idaman 1 di sini.

Katanya, selain melahirkan masyarakat yang sihat, aktiviti gotong-royong juga secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan dan keharmonian kaum berbilang bangsa.

"Malah, yang paling penting adalah aktiviti gotong-royong dapat membasmi penyakit berjangkit yang disebabkan faktor kebersihan seperti denggi dan taun dari menular," katanya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun; Ahli Majlis MBPP, Saiful Azwan Abd. Malik; Pengerusi JKKK Jelutong, Mohd. Naser Ismail dan Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Mutiara Idaman 1, Othman Daud.

**Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0**

# DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA




Sila isi butiran berikut:

Nama : ........................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ........................................

Alamat: ........................................

........................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ........................................

No. Telefon : (Rumah) .................. (Bimbit) : ..................

Emel: ........................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 April 2016** hingga **14 Jun 2016.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM300**
**Kedua: RM200**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**

Anjuran bersama:

PENANG GREEN COUNCIL